

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	18 May 2015

BR1M satu langkah ekonomi,
bukan rasuah - PM

UM - 18/5/2015

KUALA LUMPUR 17 Mei - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, hari ini mengulangi bahawa Bantuan Rakyat Malaysia atau BRiM adalah satu langkah ekonomi dan bukannya rasuah.

Tegasnya, BRiM adalah satu jaring keselamatan sosial yang disyorkan oleh Jawatankuasa Fiskal Negara terdiri daripada pegawai-pegawai Unit Perancang Ekonomi (EPU), Bank Negara dan Kementerian Kewangan yang kebanyakannya adalah pakar ekonomi, bukannya ahli politik.

"Ingin saya ingatkan, BRiM diberikan kepada semua tanpa mengira kecenderungan politik individu berkenaan. BRiM diberikan tanpa mengira bilakah pilihan raya akan diadakan.

"Nurani saya jelas, BRiM adalah langkah ekonomi, bukannya rasuah," kata Perdana Menteri dalam catatan terbarunya di blog *NajibRazak.com* sebagai menjawab tuduhan bahawa BRiM adalah rasuah.

Najib berkata, ada segelintir ahli politik yang membangkitkan bahawa biarpun adanya BRiM, tetapi rakyat 'tidak bersyukur/

"Ini adalah sebabnya mereka percaya ia rasuah dan tidak berada dalam laman yang sama dengan Jawatankuasa Fiskal. Kita meli-

hatnya sebagai satu langkah »konomi, tetapi ahli-ahli politik melihatnya semata-mata dalam lonteks politik," katanya.

Malah, kata Najib, jaring keselamatan sosial seumpamanya itu turut dilaksanakan di banyal negara-negara lain, termasuk adi yang menggelamya 'manfaat peigang-guran' yang menyasarkan kumpulan penganggur.

Sebaliknya BRiM menyasarkan kumpulan berpendapatan rendah dan kedua-duanya pada daarnya, adalah satu bentuk elaun kesjlamatan sosial kerana menyaferkan kumpulan yang memerlukan

"Kita berhasrat untuk mension-alisasikan subsidi menyeluruh yang menyasarkan golongan yang memerlukan. Semua orang (termasuk yang kaya dan warga asing) nendapat manfaat daripada subsidi menyeluruh ini.

"Dengan menghapuskan aibsiid menyeluruh, kita menjana pajjimatn kepada mereka dalam kutlpulan berpendapatan rendah. Dai, kita akan dapat memberi kumpulai yang layak ini lebih daripada api yang mereka akan terima daripack skim subsidi menyeluruh," kata Naib.

Oleh itu, tegas Perdana Menteri, BRiM perlu dilihat dalam lonteks

subsidi bersasar dan Jawatankuasa Fiskal percaya ia dapat mengurangkan ketirisan selain meningkatkan kecekapan mekanisme subsidi.

BRiM turut memenuhi keperluan mereka yang memerlukan bagi sebarang perbelanjaan tambahan yang mungkin ditanggung berikutan pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST).

Menurut Perdana Menteri, se-setengah pihak mendakwa bahawa GST adalah cukai regresif kerana setiap orang termasuk golongan miskin adalah tertakluk kepadanya.

Bagaimanapun, deringan adanya BRiM, GST bukanlah regresif kerana kumpulan berpendapatan rendah ini menerima ganti rugi.

Malahan, sebahagian besar hasil GST akan dibelanjakan untuk komuniti tersebut.

"Orang selalu berkata, berikan seseorang itu seekor ikan dan kamu hanya memberinya makan untuk sehari. Ajarlah dia untuk memancing, maka kamu mengajarnya untuk makan sepanjang hayatnya. Namun, dalam dunia realiti, kita perlu melakukan kedua-duanya.

"Memberi bantuan kepada yang memerlukan dan pada masa sama, membuat pelaburan dalam pendidikan, peningkatan kemahiran dan produktiviti," kata Najib. - BERNAMA